

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : SEPTEMBER 2020

SOALAN NO. 75

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan pihak Kerajaan terhadap cadangan untuk mewujudkan garis panduan yang jelas berhubung kaedah memohon lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) kepada para pemandu e-hailing.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemandu kenderaan perkhidmatan *e-hailing* adalah setara dengan pemandu kenderaan perkhidmatan Teksi / Kereta Sewa / Teksi Mewah. Sehubungan itu, mana-mana pemandu atau bakal pemandu perkhidmatan *e-hailing* hendaklah memiliki Lesen Vokasional (PSV – Teksi / *E-hailing*) seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 56, Akta Pengangkutan Jalan 1987.

2. Perkhidmatan *e-hailing* ini telah dikuatkuasakan mulai 12 Julai 2019 yang melibatkan pemandu dan kenderaan yang bertindak sebagai kenderaan perkhidmatan awam.

3. Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah mewujudkan satu garis panduan yang jelas berhubung kaedah memohon lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) kepada para pemandu *e-hailing*. Garis panduan ini juga telah dimuatnaik dalam laman sesawang rasmi JPJ untuk rujukan dan panduan kepada orang awam.

Sekian, terima kasih.